

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.gaexcellence.com/ijmoe**KEBERKESANAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN
(PTG) DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN
BERTUTUR DAN MENULIS BAHASA ARAB***THE EFFECTIVENESS OF BLENDED LEARNING SUBSTITUTE (BLS) IN
ENHANCING ARABIC SPEAKING DAN WRITING SKILLS*

Asmuni Zumrah^{1*}, Muhammad Arif Abdul Rahman², Abdul Rahim Zumrah³, Mohd Shukor Harun⁴

¹Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

 asmuni@usim.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-7445-6084>

² Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

 arifrahman@usim.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0000-3307-2711>

³ Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia

 rahim@usim.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-3032-9547>

⁴ Faculty of Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia

 shukorharun@usim.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-3164-4082>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.07.2026

Revised date: 27.07.2026

Accepted date: 20.08.2026

Published date: 20.09.2026

Abstrak:

Salah satu lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi 2015-2023) ialah memperkasakan pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). PTG merupakan gabungan di antara pembelajaran secara konvensional dan pembelajaran dalam talian. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur dan menulis setelah mengikuti kursus Bahasa Arab yang menggunakan kaedah PTG. Data kajian ini diambil menggunakan rubrik penilaian bertutur dan menulis Bahasa Arab yang dibangunkan secara komprehensif dan digunakan oleh Unit Bahasa Arab di sebuah universiti awam di Malaysia. Terdapat 4 elemen yang diukur bagi penilaian kemahiran bertutur iaitu kejelasan idea, kerjasama dalam kumpulan, keyakinan diri, dan laras bahasa. Bagi penilaian kemahiran menulis pula terdapat 4 elemen yang dinilai iaitu susunan ayat, isi, ayat sokongan, dan tatabahasa. Seramai 93 orang pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab telah terlibat di dalam kajian ini.

To cite this document:

Zumrah, A., Rahman, M. A. A.,
Zumrah, A. R., & Harun, M. S.
(2026). Keberkesanan
Pembelajaran Teradun Gantian
(PTG) Dalam Meningkatkan
Kemahiran Bertutur Dan
Menulis Bahasa Arab.
*International Journal of Modern
Education*, 8(31), 807-820.

DOI: 10.35631/IJMOE.831047

Dapatan kajian mendapati seramai 67 orang (72%) responden menunjukkan peningkatan penguasaan kemahiran bertutur dan 73 orang (79%) bagi kemahiran menulis.. Walaubagaimanapun, 20 orang (22%) menunjukkan penurunan penguasaan kemahiran bertutur dan 17 orang (18%) bagi kemahiran menulis setelah mengikuti kursus Bahasa Arab menggunakan kaedah PTG. Manakala baki 6 orang (6%) tidak menunjukkan sebarang perubahan bagi kemahiran bertutur dan 3 orang (3%) bagi kemahiran menulis. Hasil kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan PTG dalam pembelajaran Bahasa Arab mampu memberikan impak yang positif terhadap pencapaian pelajar, khususnya dalam kemahiran bertutur dan kemahiran menulis.

Kata Kunci:

Bahasa Arab; Kemahiran Bertutur; Kemahiran Menulis;
Pembelajaran Teradun Gantian

Abstract:

One of the key shifts outlined in the Malaysia Education Blueprint (Higher Education) 2015–2025 is the empowerment of the implementation of Blended Learning Substitute (BLS). BLS refers to the integration of conventional face-to-face learning and online learning approaches. This study was conducted to analyse students' achievement in speaking and writing skills after attending an Arabic language course that employed the BLS approach. The data for this study were collected using comprehensive Arabic speaking and writing assessment rubrics developed and utilised by the Arabic Language Unit at a public university in Malaysia. Four elements were assessed in the evaluation of speaking skills, namely clarity of ideas, group collaboration, self-confidence, and language. Meanwhile, the assessment of writing skills focused on four elements: sentence structure, content, supporting sentences, and grammar. A total of 93 students enrolled in the Arabic language course participated in this study. The findings revealed that 67 respondents (72%) demonstrated improvement in speaking proficiency, while 73 respondents (79%) showed improvement in writing proficiency. Nevertheless, 20 respondents (22%) exhibited a decline in speaking proficiency and 17 respondents (18%) in writing proficiency after participating in the Arabic language course using the BLS approach. The remaining 6 respondents (6%) showed no change in speaking proficiency, while 3 respondents (3%) showed no change in writing proficiency. The findings of this study demonstrate that the implementation of BLS in Arabic language learning can produce a positive impact on students' achievement, particularly in speaking and writing skills.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Arabic Language; Blended Learning Substitute; Speaking Skills;
Writing Skills

Pendahuluan

Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2023 bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Pendekatan ini menggabungkan pembelajaran bersemuka dengan pembelajaran dalam talian secara terancang. Dalam pelaksanaannya, PTG melibatkan antara julat 30% hingga 80% daripada *Student Learning Time* (SLT) melalui gabungan sesi bersemuka dan dalam talian berdasarkan formula 40:40:20. Ia meliputi tiga elemen utama iaitu bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran, dan penaksiran.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa pelaksanaan PTG dipengaruhi oleh tiga komponen utama iaitu pelajar, pensyarah, dan teknologi. Dari aspek pelajar, faktor yang mempengaruhi keberkesanan PTG ialah tahap pengetahuan dan pengalaman menggunakan teknologi, keyakinan diri, serta disiplin pembelajaran (Alsalhi et al., 2021). Dari aspek pensyarah pula, keberkesanan PTG bergantung pada keupayaan mengendalikan teknologi, penguasaan pedagogi, pengetahuan, penyediaan kemudahan, respon, penawaran kursus, dan pelaksanaan pengajaran secara maya (Alammery, 2019; Poon, 2013; Zhang & Zhu, 2017). Seterusnya, aspek teknologi merangkumi ciri-ciri sistem yang mudah digunakan, mudah diakses, mesra pengguna serta mempunyai sokongan teknikal yang memadai (Alammery, 2019).

Dalam konteks Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), bahasa Arab adalah subjek wajib yang ditawarkan kepada semua pelajar. Objektif penawarannya untuk menyediakan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar USIM supaya dapat dimanfaatkan di alam pekerjaan. USIM menggesa penggunaan kaedah PTG bagi semua subjek yang ditawarkan termasuk bahasa Arab. Sekaligus menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2023 bagi melaksanakan PTG di peringkat pengajian tinggi.

Meskipun kajian terdahulu mengesahkan bahawa pelaksanaan PTG membawa implikasi positif terhadap prestasi akademik pelajar, tumpuan penyelidikan sebelum ini didapati cenderung kepada bidang tertentu sahaja. Antaranya termasuklah kursus teknologi pendidikan (Ceylan & Kesici, 2017), subjek matematik (Duong et al., 2022), subjek produktif teknologi (Sulihin, 2012), dan subjek metodologi penyelidikan (Hadiyanto et al., 2022). Sebaliknya, usaha ilmiah untuk meneliti keberkesanan PTG dalam penawaran kursus Bahasa Arab masih lagi berada pada tahap yang terhad. Di samping itu, jurang kajian yang ketara masih wujud berkenaan impak khusus pendekatan tersebut terhadap kemahiran produktif pelajar, khususnya dalam aspek penulisan dan pertuturan.

Kajian ini mempunyai beberapa elemen kebaruan. Pertama, kajian ini mengaplikasikan model Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) dalam pengajaran bahasa Arab yang masih kurang diterokai dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia. Kedua, kajian ini menilai keberkesanan PTG terhadap dua kemahiran produktif secara serentak, iaitu kemahiran bertutur dan kemahiran menulis, yang lazimnya dikaji secara berasingan. Ketiga, kajian ini menggunakan kajian eksperimen dengan ujian pra dan pasca bagi menghasilkan bukti empirikal yang kukuh berkenaan impak PTG dalam peningkatan penguasaan Bahasa Arab.

Sorotan Literatur

Konsep Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)

Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) ialah pendekatan yang mengintegrasikan pembelajaran secara konvensional dengan pembelajaran dalam secara maya. Pendekatan ini diperkenalkan selaras dengan Lonjakan 9 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2023 yang menekankan pengukuhan pembelajaran dalam talian pada peringkat global. Sehubungan itu, PTG dijadikan sebagai salah satu inisiatif utama bagi merealisasikan hasrat tersebut. Di institusi pengajian tinggi, pelaksanaan PTG melibatkan gabungan sesi pembelajaran secara fizikal dan dalam talian yang dilaksanakan secara terancang mengikut julat antara 30% hingga 80% daripada *Student Learning Time* (SLT). Pelaksanaannya berpandukan formula 40:40:20 yang merangkumi tiga komponen utama iaitu aktiviti pembelajaran, bahan pembelajaran, dan penaksiran (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2020).

Model Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)

Model Alammary (2019)

Alammary (2019) mengemukakan lima model utama pembelajaran teradun yang boleh diaplikasikan mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran.

1. Flipped Model: Menekankan persediaan pelajar sebelum sesi bersemuka dengan mengakses bahan pembelajaran secara dalam talian. Pendekatan ini membolehkan masa di dalam kelas dimanfaatkan untuk aktiviti interaktif seperti perbincangan, penyelesaian masalah, dan pembelajaran kolaboratif antara pensyarah dan pelajar (Alammary, 2019; Weinhandl et al., 2018).
2. Mixed Model: Menggabungkan pelaksanaan pembelajaran teori dan aktiviti praktikal secara bersemuka serta dalam talian. Gabungan kedua-dua kaedah ini memberi fleksibiliti kepada pensyarah dalam mengurus proses pengajaran mengikut kesesuaian kandungan kursus (Alammary, 2019).
3. Flex Model: Melaksanakan sebahagian besar proses pembelajaran dan latihan secara dalam talian, manakala sesi bersemuka digunakan untuk semakan tugas, bimbingan dan pemberian maklum balas. Hauswirth dan Adamoli (2017) turut menjelaskan bahawa model ini melibatkan pelbagai aktiviti sendiri seperti menonton video, mencari bahan rujukan, menyertai forum perbincangan, dan melaksanakan latihan secara dalam talian. Pelajar digalakkan belajar secara sendiri serta bekerjasama dengan rakan secara berkala.
4. Supplemental Model: Mengekalkan pengajaran dan aktiviti praktikal secara bersemuka. Manakala pembelajaran dalam talian berfungsi sebagai pelengkap bagi mengukuhkan pemahaman pelajar melalui latihan, bahan tambahan, dan aktiviti pengayaan (Alammary, 2019).
5. Online-Practicing Model: Memberi peluang kepada pelajar menjalankan latihan, menyelesaikan tugas atau masalah, serta menerima maklum balas daripada pensyarah sepenuhnya melalui platform dalam talian (Alammary, 2019).

Model Horn dan Staker (2014)

Horn dan Staker (2014) mencadangkan empat model utama iaitu Rotation Model, Flex Model, A La Carte (Self-Blended) Model, dan Enriched Virtual Model. Keempat-empat model ini berbeza dari segi tahap integrasi antara pembelajaran bersemuka dan pembelajaran dalam talian serta tahap autonomi pelajar dalam mengurus pembelajaran mereka.

1. Rotation Model: Model yang membolehkan pelajar beralih antara beberapa bentuk aktiviti pembelajaran mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pensyarah. Aktiviti tersebut dijalankan dalam kumpulan kecil atau besar, pembelajaran dengan rakan, aktiviti kolaboratif dan tugas secara individu yang dilaksanakan secara dalam talian. Model ini terdiri daripada empat variasi utama. Dalam pendekatan Station Rotation, murid bergerak secara bergilir melalui beberapa stesen pembelajaran dalam tempoh masa yang ditetapkan, dengan setiap stesen menawarkan aktiviti yang berbeza seperti pembelajaran dalam talian, perbincangan berkumpulan dan pelaksanaan tugas secara kolaboratif (Krismadinata et al., 2020; Mahali et al., 2019). Bagi Lab Rotation, pelajar belajar secara sendiri dalam talian di makmal komputer mengikut jadual yang ditentukan. Individual Rotation pula membolehkan pelajar mengikuti aktiviti yang disesuaikan dengan keperluan dan tahap keupayaan masing-masing berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pensyarah menggunakan teknologi (Dakhi et al., 2020). Sementara itu, Flipped Classroom menggabungkan pembelajaran di luar dan di dalam bilik darjah. Pelajar dikehendaki mengakses bahan pembelajaran secara dalam talian sebelum sesi bersemuka, manakala sesi bersemuka digunakan untuk menilai kefahaman, menjalankan aktiviti kolaboratif dan pembelajaran berasaskan projek, dengan pensyarah bertindak sebagai fasilitator yang membimbing proses pembelajaran (Krismadinata et al., 2020; Mahali et al., 2019).
2. Flex Model atau Flexible Model: Menekankan penyampaian kandungan dan aktiviti pengajaran secara dalam talian, manakala pensyarah menyediakan bimbingan mengikut keperluan pelajar. Dalam model ini, pelajar mempunyai kebebasan untuk mengurus pembelajaran sendiri berdasarkan jadual yang ditetapkan. Peranan pensyarah lebih tertumpu kepada penyediaan sokongan secara fleksibel melalui bimbingan terhadap projek berkumpulan, tugas individu dan pelbagai aktiviti pembelajaran yang dijalankan sepanjang kursus (Dakhi et al., 2020).
3. A La Carte Model atau Self-Blended Model: Semua aktiviti pengajaran bagi kursus dikendalikan secara dalam talian oleh pensyarah. Walaupun demikian, pelajar masih boleh mengikuti kursus lain secara bersemuka dalam program pengajian yang sama. Fleksibiliti yang ditawarkan menjadikan model ini antara pendekatan yang popular dalam kalangan pelajar dan pensyarah (Krismadinata et al., 2020).

Penilaian dan Pelaksanaan PTG

Bagi memastikan penilaian dan pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) mencapai keberkesanan optimum, teknik pengajaran perlu dirancang secara sistematik bagi membantu pelajar membina kefahaman yang kukuh ketika interaksi bersemuka. Tahap penguasaan yang mantap ini dapat dizahirkan menerusi pelibatan aktif pelajar dalam menyiapkan tugas, penyertaan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta penyertaan dalam pelbagai aktiviti instruksional. Seiring dengan proses tersebut, pensyarah berperanan membekalkan maklum balas secara berterusan menerusi platform digital untuk memandu dan menyokong perkembangan akademik pelajar (Kerzic et al., 2019).

1. Menurut kajian terdahulu, keberkesanan pelaksanaan dan penilaian PTG dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu faktor pelajar, faktor pensyarah, dan faktor teknologi.
2. Faktor pelajar merangkumi kesediaan pelajar terhadap pembelajaran, termasuk maklumat yang diterima, tahap pengetahuan dan pengalaman menggunakan teknologi, keyakinan diri, disiplin, kaedah pembelajaran yang diamalkan serta rasa tanggungjawab sepanjang proses pembelajaran (Alsalmi et al., 2021; Alammmary, 2019; Miyaji & Fukui, 2020; Poon, 2013; Zhang & Zhu, 2017). Faktor-faktor ini mempengaruhi keupayaan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran teradun dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran.
3. Faktor pensyarah pula melibatkan ciri-ciri peribadi dan kompetensi profesional, seperti personaliti, keupayaan mengendalikan teknologi, penguasaan pedagogi, pengetahuan terhadap kandungan kursus, penyediaan fasiliti pembelajaran, dan pemberian maklum balas yang disampaikan kepada pelajar (Alammmary, 2019; Poon, 2013; Zhang & Zhu, 2017). Kecekapan pensyarah dalam aspek-aspek ini memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan PTG berjalan dengan berkesan.
4. Faktor teknologi pula merujuk kepada ciri-ciri platform atau sistem pembelajaran yang digunakan, termasuk kemudahan penggunaan, kebolehcapaian, reka bentuk yang mesra pengguna serta penyediaan sokongan atau bantuan teknikal kepada pengguna. Teknologi yang berkualiti dan mudah digunakan dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran serta menyokong keberkesanan pelaksanaan PTG (Alammmary, 2019).

Kesan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) memberikan pelbagai impak positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. PTG didapati mampu meningkatkan pencapaian akademik dan motivasi belajar (Ceylan & Kesici, 2017; Sjukur, 2012; Vernadakis et al., 2012; Yapici & Akbayin, 2012). Selain itu, pendekatan ini turut mengurangkan kos pelaksanaan latihan di samping mempelbagaikan pengalaman pembelajaran melalui penggunaan pelbagai kaedah dan medium pengajaran (Akarawang, 2016; Poon, 2013).

Di samping itu, PTG menggalakkan pembelajaran sendiri dengan menyediakan akses kepada pelbagai platform yang mengandungi bahan pembelajaran, sumber rujukan, dan aktiviti pengukuhan. Kemudahan ini membolehkan pelajar mengurus pembelajaran mereka secara lebih berdikari dan fleksibel sekali gus meningkatkan keupayaan mereka untuk memperoleh pengetahuan secara berterusan (Fadde & Vu, 2014). Pengalaman pembelajaran yang lebih pelbagai dan menarik ini juga didapati meningkatkan tahap kepuasan pelajar terhadap proses pembelajaran serta mendorong mereka untuk lebih aktif meneroka sumber pembelajaran yang disediakan (Fisher et al., 2018).

Selain memberi manfaat kepada pelajar, PTG turut memperkukuh interaksi antara pensyarah dan pelajar melalui komunikasi yang dijalankan secara berterusan sama ada dalam sesi bersemuka atau melalui platform dalam talian. Interaksi yang konsisten ini bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelajar terhadap pengalaman pembelajaran, malah menyumbang kepada pembentukan persekitaran pembelajaran yang lebih aktif dan kolaboratif (Graham, 2013; Romero-Frías & Arquero, 2013). Menurut Du dan Wu (2014), interaksi yang berterusan antara pensyarah dan pelajar merupakan faktor penting dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang berkualiti serta memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

Trend Penyelidikan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)

Kajian berkaitan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang pengajian bagi menilai keberkesanannya terhadap pencapaian akademik, motivasi, sikap dan kepuasan pelajar. Secara umum, kebanyakan kajian melaporkan bahawa PTG memberikan impak yang positif berbanding kaedah pengajaran konvensional.

Satu kajian dalam bidang Teknologi Pendidikan oleh Ceylan dan Kesici (2017) telah meneliti impak pelaksanaan PTG terhadap prestasi akademik dalam kalangan 53 orang pelajar Tingkatan Enam. Penyelidikan tersebut menggunakan pendekatan eksperimen yang membahagikan sampel kepada kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Hasil analisis membuktikan bahawa kumpulan eksperimen mencatatkan tahap pencapaian akademik yang lebih cemerlang berbanding kumpulan kawalan.

Penyelidikan eksperimen dalam disiplin Biologi telah dilaksanakan oleh Yapici dan Akbayin (2012) ke atas seramai 107 orang pelajar sekolah menengah, yang merangkumi 60 orang bagi kumpulan kawalan dan 47 orang bagi kumpulan eksperimen. Hasil penemuan mengesahkan bahawa aplikasi PTG bukan sekadar melonjakkan gred pelajar dalam mata pelajaran tersebut, bahkan berupaya membentuk persepsi yang lebih positif terhadap fungsi internet sebagai platform pembelajaran.

Penyelidikan yang dikendalikan oleh Sulihin (2012) meneliti pengaruh PTG ke atas aspek motivasi serta prestasi akademik dengan melibatkan seramai 62 orang mahasiswa. Melalui penerapan reka bentuk eksperimen, hasil kajian mengesahkan bahawa kelompok pelajar yang didedahkan dengan kaedah PTG memamerkan tahap dorongan sendiri dan keputusan akademik yang lebih cemerlang berbanding kumpulan yang menerima kaedah pengajaran tradisional.

Penyelidikan dalam disiplin Matematik oleh Duong et al. (2022) telah menggunakan model PTG berasaskan ***Flex Model*** terhadap tiga pemboleh ubah iaitu gred akademik, keupayaan pembelajaran sendiri, serta sikap pelajar. Hasil analisis mengesahkan bahawa aplikasi PTG memberikan impak yang signifikan dalam mempertingkatkan ketiga-tiga domain tersebut berbanding kaedah pengajaran tradisional. Jusuf (2020) pula meneliti hubungan antara pelaksanaan PTG dengan pencapaian dan kepuasan pelajar melalui kajian tinjauan yang melibatkan 319 orang pelajar universiti. Hasil analisis menunjukkan bahawa PTG menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik serta mempunyai hubungan positif dengan tahap kepuasan pelajar terhadap proses pembelajaran.

Kajian eksperimen oleh Iga Setia (2018) yang melibatkan 63 orang pelajar sekolah menengah turut mendapati bahawa kumpulan yang mengikuti PTG memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Dapatan yang hampir sama turut dilaporkan oleh Hadiyanto et al. (2022), yang menjalankan kajian terhadap 25 orang pelajar universiti bagi kursus Metodologi Kajian. Kajian tersebut membuktikan bahawa pelaksanaan PTG berjaya meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Di samping itu, penyelidikan berbentuk tinjauan telah dijalankan oleh Mugenyi (2017) bagi meneliti pengaruh PTG ke atas sikap pelajar serta kaitannya dengan prestasi akademik yang melibatkan seramai 238 orang mahasiswa. Penemuan kajian mendapati bahawa aplikasi PTG

memberikan impak yang positif terhadap pembentukan sikap pelajar. Seterusnya, perubahan tingkah laku yang membina ini turut menyumbang kepada peningkatan gred akademik mereka. Secara amnya, analisis terhadap penyelidikan lepas membuktikan bahawa model PTG mendatangkan impak yang menggalakkan terhadap prestasi akademik, dorongan sendiri, persepsi sikap, tahap kepuasan, dan autonomi pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Meskipun begitu, skop kajian terdahulu didapati sebahagian besarnya berorientasikan bidang tertentu seperti Teknologi Pendidikan (Ceylan & Kesici, 2017), Biologi (Yapici & Akbayin, 2012), Matematik (Duong et al., 2022), kursus produktif teknologi (Sulihin, 2012), serta Metodologi Kajian (Hadiyanto et al., 2022). Setakat ini, usaha ilmiah yang menilai keberkesanan PTG dalam domain pengajaran dan pembelajaran bahasa—terutamanya bagi kursus Bahasa Arab di peringkat universiti—masih belum meluas. Jurang penyelidikan inilah yang mendorong keperluan mendesak untuk melaksanakan kajian bagi mengukur sejauh mana model PTG mampu meningkatkan penguasaan aspek kebahasaan pelajar, khususnya dalam aspek penulisan dan lisan bagi subjek Bahasa Arab.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini mengguna pakai reka bentuk kuantitatif melalui pendekatan eksperimen secara khusus. Menurut Creswell (2009), penyelidikan kuantitatif berfungsi sebagai medium untuk menguji teori objektif dengan menganalisis hubungan antara pemboleh ubah. Selaras dengan pendekatan tersebut, kajian ini melibatkan pengumpulan data berbentuk angka serta pengiraan analisis statistik bagi menjawab persoalan kajian. (pra dan pasca). Kajian eksperimen mampu untuk mengesahkan kesahan sesuatu intervensi kepada pemboleh ubah yang dikaji. Dalam kajian ini, intervensi yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kaedah Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). Manakala pemboleh ubah yang dikaji adalah pencapaian pelajar dalam subjek bahasa arab. Selain itu, kajian eksperimen juga memfokuskan kepada responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Di dalam kajian ini, responden adalah pelajar di sebuah universiti awam yang mengikuti kursus Bahasa Arab pada semester 1.

Populasi Sasaran dan Sampel Kajian

Populasi sasaran bagi penyelidikan ini merangkumi mahasiswa di sebuah universiti awam yang mendaftar bagi kursus Bahasa Arab pada Semester 1.

Bagi pemilihan sampel kajian, pendekatan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah diguna pakai. Pemilihan kaedah ini adalah bersandarkan keperluan kajian untuk menganalisis tahap pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur dan menulis selepas melalui proses pembelajaran berasaskan kaedah Pembelajaran Teradun Gantian (PTG).

Sebanyak 30% daripada jumlah jam pembelajaran pelajar diperuntukkan untuk pelaksanaan PTG secara berstruktur bagi kursus ini. Pelaksanaan dijalankan melalui platform GOALS-USIM sebagai platform pembelajaran rasmi universiti. Pelaksanaan ini juga meliputi elemen bahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran, dan penaksiran.

Prosedur pelaksanaan PTG yang diterapkan bagi kajian ini bermula dengan ujian pra bagi kemahiran bertutur dan menulis. Markah pencapaian pelajar dijadikan garis dasar untuk dibandingkan dengan pencapaian akhir. Seterusnya pelajar menjalani kursus menggunakan

pendekatan PTG bermula minggu 2 hingga 13. Antara komponen pertemuan secara bersemuka adalah pengajaran teori, perbincangan, latihan komunikasi lisan secara berkumpulan dan latihan penulisan secara individu. Manakala komponen pertemuan atau aktiviti secara dalam talian merangkumi pertemuan melalui MS Teams, video rakaman pembelajaran atau video Youtube mengikut topik yang berkaitan serta nota tambahan melalui GOALS, dan latihan pengukuhan untuk menerima maklum balas pengajar dijalankan melalui GOALS dan Telegram. Prosedur diakhiri dengan ujian pasca yang setara dengan ujian pra bagi melihat pencapaian pelajar selepas menjalani kursus menggunakan kaedah PTG.

Sampel bagi penyelidikan ini melibatkan seramai 93 orang pelajar. Proses pengumpulan data dilaksanakan secara berkala merangkumi dua fasa waktu yang berbeza, iaitu pada Minggu 1 dan Minggu 14 sesi pengajian. Bagi mengukur pemboleh ubah yang ditetapkan, kajian ini memanfaatkan rubrik penilaian bertutur dan menulis Bahasa Arab yang telah dibangunkan, disahkan, serta diguna pakai oleh Unit Bahasa Arab, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui platform GOALS-USIM.

Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Secara khusus, analisis ini melibatkan perbandingan skor pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur dan menulis antara fasa awal semester (Minggu 1) dan fasa akhir semester (Minggu 14). Prosedur ini bertujuan untuk mengenal pasti trend perubahan dan tahap signifikan peningkatan prestasi pelajar kesan daripada pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). Analisis Data dan Perbincangan

Jadual 1: Hasil Analisis Diskriptif (Kemahiran Bertutur)

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Meningkat	67	72
Menurun	20	22
Tiada Perubahan	6	6

Maklumat taburan analisis deskriptif bagi 93 orang responden diperincikan dalam Jadual 1. Secara keseluruhannya, data menunjukkan impak positif apabila majoriti responden iaitu seramai 67 orang (72%) merekodkan lonjakan prestasi dalam kemahiran bertutur Arab setelah melalui fasa pengajaran berasaskan kaedah Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). Sebaliknya, seramai 20 orang responden (22%) mencatatkan penurunan pencapaian, manakala 6 orang (6%) tidak menunjukkan sebarang perubahan apabila markah yang diperoleh pada Minggu 1 dibandingkan dengan markah pada Minggu 14. Selain itu, analisis Paired Samples t-Test menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian kemahiran bertutur antara Minggu 1 dan Minggu 14 ($t = 2.1009$), sekali gus menunjukkan bahawa pelaksanaan PTG telah memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran bertutur pelajar.

Jadual 2: Hasil Analisis Diskriptif (Kemahiran Menulis)

Kategori	Kekerapan	Peratusan
Meningkat	73	79
Menurun	17	18
Tiada Perubahan	3	3

Dapatan analisis deskriptif melibatkan 93 orang responden bagi aspek penulisan dibentangkan dalam Jadual 2. Trend yang diperoleh menunjukkan impak yang sangat positif, di mana majoriti besar pelajar iaitu seramai 73 orang (79%) berjaya mempertingkatkan kompetensi menulis mereka setelah mengikuti modul kursus Bahasa Arab yang menerapkan pendekatan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). Sebaliknya, seramai 17 orang responden (18%) mencatatkan penurunan pencapaian, manakala 3 orang (3%) tidak menunjukkan sebarang perubahan apabila markah yang diperoleh pada Minggu 1 dibandingkan dengan markah pada Minggu 14. Selain itu, analisis Paired Samples t-Test menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian kemahiran menulis antara Minggu 1 dan Minggu 14 ($t = 1.986$). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PTG telah memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan kemahiran menulis pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan signifikan dalam pencapaian pelajar bagi kemahiran bertutur dan menulis selepas pelaksanaan PTG. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Veysel Karani Ceylan dan Ayşe Elitok Kesici (2017), Yapici, I.Umit; Akbayin, Hasan (2012), Sulihin (2012), Duong et.al (2022), Jusuf (2020), Iga Setia (2018), Hadiyanto et.al (2022), dan Mugenyi (2017) yang mendapati gabungan pembelajaran bersemuka dan secara dalam talian dapat membuka ruang pembelajaran yang interaktif dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam sesebuah kursus. Kajian ini memperluas dapatan terdahulu dengan menunjukkan bahawa kesan positif tersebut turut berlaku dalam konteks kursus bahasa Arab sebagai bahasa asing di institusi pengajian tinggi Malaysia.

Pencapaian pelajar dalam dua kemahiran ini menunjukkan bahawa PTG merupakan cara yang efektif dalam mencapai objektif pembelajaran. Melalui sesi pembelajaran bersemuka dan dalam talian pelajar mampu berinteraksi dengan bahan pembelajaran yang menarik. Perkara ini mampu mempelbagaikan pengalaman pembelajaran melalui rakaman video, audio, latihan interaktif, dan bahan bacaan (C. Akarawang, 2016; J. Poon, 2013). Secara tidak langsung PTG menggalakkan pembelajaran berpusatkan pelajar melalui proses pengulangan dan pengukuhan bagi meningkatkan kemahiran bertutur dan menulis (Fisher et al., 2018).

Interaksi antara guru dan pelajar turut menyumbang kepada peningkatan pencapaian ini. Menurut Romero-Frías & Arquero (2013) dan Graham (2013) interaksi yang bersifat konsisten dan berkala didapati berupaya mempertingkatkan indikator kepuasan pelajar sepanjang fasa pengajaran dan pembelajaran (PdP). Melalui proses interaksi secara bersemuka pelajar diberi ruang untuk berlatih komunikasi dan menulis secara langsung, menerima pembetulan daripada pensyarah, serta berinteraksi dengan rakan dalam situasi sebenar. Manakala interaksi secara dalam talian memberikan fleksibiliti kepada pelajar dan guru bagi mengurus proses pembelajaran mengikut keperluan tertentu. Fisher et.al (2018) menyokong kenyataan ini kerana interaksi berkala mampu meningkatkan tahap kepuasan pelajar dalam membina pengalaman pembelajaran dan menjayakan proses pembelajaran.

Peningkatan pencapaian dalam dua kemahiran ini juga berdasarkan faktor medium teknologi yang digunakan. Kursus-kursus bahasa Arab yang ditawarkan menggunakan medium pelbagai seperti Telegram, GOALS, MS Teams, dan Youtube. Ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang holistik menuntut pengintegrasian medium yang bersifat pragmatik, mudah diakses, serta mesra pengguna, di samping disokong oleh sistem bantuan teknikal yang responsif. (Alammery, 2019). Ia juga perlu dilengkapi dengan penyertaan aktif daripada pelajar dalam pelbagai aktiviti yang disediakan dan maklum balas guru secara berkala melalui medium yang disediakan.

Implikasi dapatan ini terhadap amalan pengajaran Bahasa arab menunjukkan bahawa pendekatan PTG wajar dilaksanakan bagi membantu mencapai kemahiran bahasa secara menyeluruh. Pengajaran bahasa Arab perlu memanfaatkan platform digital untuk pembelajaran di luar waktu kuliah dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kaedah bersemuka. Dapatan ini juga menunjukkan keperluan guru untuk merangka aktiviti pembelajaran secara sistematik sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Pembahagian aktiviti yang dirangka menjadikan masa pengajaran dapat digunakan secara efektif. Selain itu, dapatan ini membuktikan bahawa PTG mampu mewujudkan peluang latihan yang lebih kerap serta menyediakan maklum balas secara berterusan. Pendekatan ini membantu dalam memperbaiki penggunaan bahasa, organisasi idea, dan penggunaan ungkapan bahasa arab sama ada secara lisan mahupun tulisan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa Kaedah PTG bukan sekadar meningkatkan pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis dan bertutur, malah membawa implikasi yang signifikan terhadap transformasi amalan pengajaran bahasa Arab. Pendekatan kaedah PTG membolehkan kita mencapai objektif pembelajaran, meningkatkan interaksi antara guru dan pelajar, serta meningkatkan kemahiran menggunakan medium teknologi yang sesuai selaras dengan keperluan pedagogi abad ke-21.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian membuktikan bahawa Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran bertutur dan menulis Bahasa Arab. Keberkesanan ini bukan sahaja dapat dilihat daripada peningkatan pencapaian pelajar, malah turut menyumbang kepada pengukuhan amalan pengajaran bahasa Arab di peringkat institusi pengajian tinggi. Kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang melibatkan sampel yang lebih besar dan penilaian pencapaian pelajar bagi kursus-kursus bahasa lain yang menggunakan pendekatan PTG.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Geran DG Universiti Sains Islam Malaysia di bawah Nombor Geran PPP/SKIMGURU/FPBU/USIM/17323.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Universiti Sains Islam Malaysia, dengan nombor kelulusan [17323]. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Penulis A] bertanggungjawab merancang kajian, membangunkan kerangka konseptual, dan menyelia pelaksanaan penyelidikan. [Penulis B] melaksanakan kajian, mengumpul data, dan menjalankan analisis data. [Penulis C] menyumbang kepada sorotan literatur, menyediakan instrumen kajian, dan menganalisis dapatan. [Penulis D] bertanggungjawab terhadap suntingan bahasa, semakan format manuskrip mengikut keperluan jurnal, dan susunan rujukan. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Alammary, A. (2019). Blended learning models for introductory programming courses: a systematic review. *PLoS One* 14 (9), e0221765.
- Alsaihi, N.R., Eltahir, M., Al-Qatawneh, S. (2019). The effect of blended learning on the achievement of the ninth grade students in science and their attitudes toward its use. *Heliyon* 5, e02424.
- Ceylan, V. K., & Elitok Kesici, A. (2017). Effect of blended learning to academic achievement. *Journal of Human Sciences*. 14(1), 308–320.
- Chaiya Akarawang. (2016). Developing ICT Competency for Thai Teachers through Blended Training. *Journal of Education and Learning*. Vol. 10 (1) pp. 15-21.
- Du, C., Wu, J. (2014). The effect of human interactions on student performance and satisfaction of blended learning. *Academy of Educational Leadership Journal*. Vol. 18 (3) pp. 11-21.
- Duong Huu Tong, Bui Phuong Uyen, Lu Kim Ngan. (2022). The effectiveness of blended learning on students' academic achievement, self-study skills and learning attitudes: A quasi-experiment study in teaching the conventions for coordinates in the plane, *Heliyon*. Volume 8 (12).
- Fadde, P. J., Vu, P. H. (2014). Blended online learning: benefits, challenges, and misconceptions. in Lowenthal, P. R., York, C. S., Richardson, J. C. (Eds.), *Online Learning: Common Misconceptions, Benefits, and Challenges*, Nova Science Publishin, Hauppauge, pp. 38-48.
- Fisher, R., Perényi, Á., Birdthistle, N. (2018). The positive relationship between flipped and blended learning and student engagement, performance and satisfaction. *Active Learning in Higher Education*. Vol. 18 (1), pp. 11-24.
- GOALS – USIM. <<https://goals.usim.edu.my/course/view.php?id=5826§ion=0#section-47>>
- Graham, C. R. (2013). Emerging practice and research in blended learning. in Moore, M. G. (Ed.), *Handbook of Distance Education*, 3rd ed., Routledge, New York, pp. 333-350
- Hadiyanto H., Urip S., Amirul M., Eddy H., Syaiful S. (2022). The effect of blended learning on efl students' performance in research methodology and practice of 21st century skills. *Journal of Educators Online*, 19 (3).
- Hauswirth, M., Adamoli, A. (2017). Metacognitive calibration when learning to program. *Proceedings of the 17th Koli Calling Conference on Computing Education Research*. ACM 50–59.
- İ.Ümit YAPICI & Hasan AKBAYIN. (2012). The effect of blended learning model on high school students' biology achievement and on their attitudes towards the internet. *The Turkish Online Journal of Educational Technology* – April 2012, volume 11 (2), pp. 228-237
- Iga Setia Utami. (2018). The effect of blended learning model on senior high school students' achievement. *SHS Web of Conferences* 42, 00027.
- Jabatan Pendidikan Tinggi. (2020). *Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian)*. Cetakan Pertama.
- Kerzic, D., Tomazevic, N., Aristovnik, A., Umek, L., (2019). Exploring critical factors of the perceived usefulness of blended learning for higher education students. *PLoS One* 14 (11), e0223767.
- Kintu, M.J., Zhu, C. & Kagambe, E. (2017). Blended learning effectiveness: the relationship between student characteristics, design features and outcomes. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*

- (<https://educationaltechnologyjournal.springeropen.com/>). Vol. 14 (7).
<https://doi.org/10.1186/s41239-017-0043>
- Miyaji, I., Fukui, H., (2020). Change in knowledge and awareness in teacher education on Satoyama environmental learning: through a blend of learning spaces, methods and media. *European Journal of Educational Research* 9 (4), pp. 1663–1674.
- Nikolaos Vernadakis, Maria Giannousi, Vassiliki Derri, Maria Michalopoulos, Efthimis Kioumourtzoglou. (2012). The impact of blended and traditional instruction in students' performance. *Procedia Technology*, Volume 1, pp. 439-443.
- Poon, J. (2013). Blended Learning: an institutional approach for enhancing students' learning experiences. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*. Vol. 9 (2), pp. 271–289. https://jolt.merlot.org/vol9no2/poon_0613.htm
(https://jolt.merlot.org/vol9no2/poon_0613.htm).
- Romero-Frías, E., Arquero, J. L. (2013). A view on personal learning environments through approaches to learning. Vol. 1 (1), pp. 29-36.
- Sulihin B. Sjukur. (2012). Pengaruh blended learning terhadap motivasi belajar dan hasil belajar siswa tingkat SMK. *Jurnal Pendidikan Vokasi*. Vol 2 (3).
- Weinhandl, R., Lavicza, Z., Süß-Stepancik, E. (2018). Technology-enhanced flipped mathematics education in secondary schools: a synopsis of theory and practice. *K12 STEM Education*. Vol. 4 (3), pp. 377–389.
- Zeqiri, Jusuf; Kareva, Veronika; Alija, Sadri. (2020). The Impact of Blended Learning on Students' Performance and Satisfaction in South East European University, In: Proceedings of the ENTRENOVA - ENTERprise REsearch INNOVATION Conference, Virtual Conference, 10-12 September 2020, IRENET - Society for Advancing Innovation and Research in Economy, Zagreb, pp. 233-244.
- Zhang, W., Zhu, C. (2017). Review on blended learning: identifying the key themes and categories. *International Journal of Information and Education Technology*. Vol. 7 (9), pp. 673–678.